

## Atur program khas

---

**Putrajaya:** Kementerian Pengangkutan akan mengadakan program khas untuk 367 pemandu e-hailing orang kurang upaya (OKU) mendapatkan lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV).

Menterinya Anthony Loke berkata, kementeriannya melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan mengatur sesi khas e-hailing OKU yang terbabit, termasuk pemeriksaan kesihatan, latihan serta ujian serta pengeluaran kad PSV.

Katanya, pemeriksaan kesihatan dan lokasinya ditentukan Kementerian Kesihatan dalam masa terdekat dan dimaklumkan APAD kepada penyedia perkhidmatan e-hailing (EHO) serta pemandu yang berkaitan.

Mengenai latihan PSV pula, katanya, ia membabitkan latihan secara digital selama enam jam berdasarkan modul yang ditetapkan JPJ yang perlu dilalui pemandu terbabit.

“Mereka boleh menjalani EHO berdaftar dengan JPJ tanpa perlu hadir ke pusat latihan memandu.

“Seterusnya, ujian bertulis psv akan dilaksanakan pada 1 dan 2 Julai depan di Kementerian Pengangkutan yang dikendali sepenuhnya oleh JPJ serta dilaksanakan seacara berkelompok.

“Pemandu e-hailing OKU perlu mendaftar segera dan menyelesaikan latihan PSV sebelum 30 Jun ini,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Loke berkata, calon yang berjaya dalam ujian itu bakal dielsenkan dengan PSV Teksi/e-hailing namun tertakluk kepada syarat berkelayakan lain.

Beliau menjelaskan, kos keseluruhan bagi proses pengambilan lesen PSV adalah RM320 yang membabitkan kos latihan (RM190), pendafataran (RM10), pemeriksaan kesihatan (RM100) dan kad PSV (RM20).

“Bagaimanapun, melalui program khas ini, pihak EHO seperti GRAB, mycar, Dacsee dan Ezcab bersetuju untuk menanggung kos pengambilan lesen PSV terbabit kepada pemandu e-hailing OKU sebagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka, katanya.

Beliau berkata, kerajaan mengambil inisiatif untuk membenarkan golongan OKU mendaftar sebagai pemandu e-hailing kerana mahu nasib mereka terbela khususnya menerusi potensi pendapatan.

“Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan 2017) dan undang – undang lain yang berkaitan dengan e-hailing dikuatkuasakan pada 12 Julai tahun lalu.

“Susulan penguatkuasaan ini, hanya syarikat e-hailing yang diberi lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) dikeluarkan APAD dibenarkan untuk meneruskan penawaran perkhidmatan e-hailing,” katanya.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 20 | 15 JUN 2019**